

18 MAR 1998

Law-jerebu

JAWATANKUASA JEREBU DAERAH DIARAH BERJAGA-JAGA

KUALA LUMPUR, 18 Mac (Bernama) -- Semua jawatankuasa jerebu daerah diarah membuat mempersiapkan pelan tindakan mereka untuk menghadapi keadaan jerebu berulang dari punca tempatan, kata Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding hari ini.

Law berkata beliau juga telah mengadakan mesyuarat dengan agensi-agensi berkaitan bagi memberitahu mereka mengenai langkah-langkah pencegahan untuk pembakaran hutan dan pembakaran terbuka.

Agensi-agensi itu termasuk Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Kajicuaca, Pusat Pengesan Jarah Jauh Malaysia, Jabatan Perhutanan, Pihak-pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Bomba dan Menyelamat, polis dan Bahagian Keselamatan Negara-BKN.

"Langkah-langkah pencegahan itu akan ditumpukan kepada punca-punca tempatan dan agen yang berkesan sekali ialah jawatankuasa peringkat daerah," katanya kepada pemberita di sini.

Ditanya samada penekanan terhadap punca tempatan, terutamanya kebakaran hutan dan kebakaran terbuka, menunjukkan kegentingan masalah itu, Law berkata ia adalah berasaskan kepada pengalaman masa lepas.

"Kejadian kebakaran hutan dari punca-punca semula jadi atau perbuatan manusia bukan hanya berlaku di sini tetapi di seluruh dunia...tetapi kita tak boleh tunggu sehingga tahapnya menjadi serius," katanya.

Beliau mengakui bahawa bilangan kebakaran hutan tempatan telah meningkat tahun ini berbanding dengan tahun lepas disebabkan faktor manusia, kemarau dan semula jadi.

Law, bagaimanapun, berkata setakat ini punca tempatan belum menyebabkan jerebu besar di negara ini, tetapi kerajaan bimbang dengan kedua-duanya punca tempatan dan dari luar.

Katanya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga telah meminta operasi pembenihan awan diteruskan bukan sahaja untuk menangani kebakaran hutan tetapi juga masalah kemarau.

Dr Mahathir juga telah meminta kementerian itu menimbang kemungkinan menggunakan helikopter buatan Rusia yang boleh melawan kebakaran hutan dengan lebih berkesan.

Berhubung dengan standard kandungan amonia di dalam sungai-sungai, Law berkata JAS masih mengkajinya dan dijangka akan melaksanakannya tidak lama lagi.

Katanya Jabatan Kimia akan membuat penjelasan mengenai kesan amonia terhadap kesihatan manusia minggu ini bagi menghapuskan kebimbangan di kalangan orang ramai.

Pencemaran amonia di dalam Sungai Langat baru-baru ini telah menyebabkan beberapa loji rawatan air di Selangor ditutup beberapa kali, menyebabkan bekalan air terganggu di beberapa kawasan di Kuala Lumpur dan Selangor. -- BERNAMA

HJ WAT